

## SILAT/Latihan pusat

# Azman Abdullah peserta tunggal acara gaya bebas

- 3 MAY 1987

B. Minggu (M)<sup>2</sup>

**BENCANA SILAT**  
AZMAN ABDULLAH dari Terengganu dipilih oleh Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) sebagai peserta tunggal acara gaya bebas lelaki bagi menjalini latihan pusat untuk persediaan Sukan SEA di Jakarta pada 9-20 September ini, lapor MOHD RAHIME YUSOFF.

Dia terpaksa menghadapi tentangan dari tiga

peserta yang turut bersaing untuk mendapatkan tempat itu.

Manakala 18 pesilat wanita dari Kelantan, Johor, Selangor, Wilayah Persekutuan, Terengganu, Gayong Fathani, Gayong Malaysia dan Silat Lincah turut mengikuti ujian pemilihan itu di Pusat Sukan Kampung Pandan pada 26-27 April lalu.

Pemilihan bagi acara gaya bebas lelaki dan wanita ini dijalankan kerana Pesaka belum lagi menyenaraikan mereka yang terbabit.

Keadaan ini berbeza dengan pemilihan bagi pesilat-pesilat lelaki yang dipilih berdasarkan pencapaian dalam kejohanan Silat Kebangsaan di Kuala Terengganu Disember lalu.

Penolong setiausaha-hanya, Sulaiman Sarijan, berkata pihaknya terpaksa membuat pemilihan itu lebih awal bagi memberi peluang kepada pesilat yang berjaya menjalani latihan di pusat perguruan masing-masing.

Katanya, mereka itu akan menjalani latihan pusat di Kompleks Sukan Kampung Pandan pada 10 Jun ini yang akan dikelolakan oleh Anuar Wahab, Mohd Sani Munir dan Basiron Hamit.

"Pesaka belum lagi memilih pesilat wanita bagi acara gaya bebas dan ini akan dibuat tidak pada latihan pusat nanti," jelasnya.

Menurutnya, walaupun bilangan peserta lelaki yang hadir begitu mengecewakan ketika pemilihan dibuat, tetapi empat pesilat itu menunjukkan kemampuan yang tinggi.

Azman akan menjalani latihan bersama 20 pesilat lelaki pelbagai kelas, begitu juga dengan 10 peserta wanita.

Sulaiman memberitahu, pihaknya begitu kagum dengan ketangkasan pesilat-pesilat wanita ketika pemilihan dijalankan.

Mereka yang terpilih, Kelas A, Khadijah Salleh (Johor), Normala Yaacob (Selangor), Kelas B, Salbiah Salleh (Johor), Masliza Abu Bakar (Wilayah Persekutuan), Kelas C, Siti Azahariah Hussin (Gayong Fathani), Juzanah Sahar (Johor), Kelas D, Wan Suzaina Wan Mohd Noor (Kelantan), Siti Anidah Mahadi (Gayong Fathani), Kelas E, Zalehan Suradi (Gayong Malaysia).

Katanya, peserta yang betul-betul cergas dan memenuhi segala syarat yang ditetapkan oleh Pesaka akan ke Jakarta.

Sulaiman menjelaskan, pihaknya bercajangan untuk membawa semua peserta yang dipilih bagi membolehkan mereka itu menimba pengalaman.

## SILAT

# Pesaka berunding dengan MSN

B. Harian (M)

4

- 4 MAY 1987

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) akan berunding dengan Majlis Sukan Negara (MSN) dan Majlis Olimpik Malaysia (MOM) bagi membolehkan beberapa pesilat tambahan yang tidak disenaraikan dalam pertandingan Sukan SEA di Jakarta September ini boleh ikut serta.

Langkah ini dibuat, bagi memberi peluang kepada pesilat-pesilat itu menimba pengalaman sebagai persediaan menghadapi Pesta Silat Antarabangsa di Kuala Lumpur Oktober ini.

Silat adalah acara baru diperkenalkan dalam sukan SEA.

MOM dikatakan bersedia menghantar kesemua 15 pesilat ke Sukan SEA itu nanti, memandangkan silat, pertama kali dipertandingkan dan berdasarkan beberapa kejayaan di peringkat antarabangsa sebelumnya.

Penolong setiausaha Pesaka, Sulaiman Sarijan, berkata pihaknya akan mengemuka cadangan untuk menghantar pesilat tambahan itu berdasarkan kemantapan pesilat-pesilat dalam latihan pusat bermula 10 Jun ini.

Katanya, Pesaka berhasrat mendedahkan pesilat itu dengan pertandingan peringkat antarabangsa supaya tidak gugup menghadapi Pesta Silat Antarabangsa nanti.

Bagaimanapun, cadangan itu akan hanya dibuat oleh Pesaka, tetapi keputusan membenarkan atau tidak itu bergantung kepada MSN dan MOM.

"Mereka yang akan mengikuti rombongan itu nanti, bakal mewakili negara bagi kejohanan antarabangsa," ujarnya.